

21/01/2000

Pemuda, Wanita Johor sepakat

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Khamis - Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Johor memberi sokongan padu terhadap pencalonan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Abdul Ghani Othman, bagi bertanding kerusi Naib Presiden Umno pada perhimpunan agung parti 11 Mei ini.

Pemuda yang bermesyuarat di sini semalam dan diikuti Wanita hari ini memberi sokongan terbuka kepada Menteri Besar itu sebagai calon tunggal dari negeri ini bagi jawatan itu.

Ketua Pemuda Umno negeri, Dr Nasrah Salim, berkata mesyuarat khas yang dihadiri oleh semua Ketua Pemuda kecuali Pagoh dan Mersing semalam membuat keputusan menyokong Abdul Ghani bagi jawatan berkenaan.

"Jika ada calon lain dari Johor yang ingin bertanding jawatan itu adalah hak mereka. Tetapi Pemuda Umno sudah membuat keputusan untuk menyokong hanya satu calon saja dari negeri ini.

"Ini penting bagi memastikan bahawa calon dari Johor yang bertanding bagi jawatan itu memenangnya daripada tertewas kesemuanya," katanya.

Berita Harian sebelum ini melaporkan kebanyakan Ketua Umno Bahagian di Johor menyokong Abdul Ghani untuk bertanding jawatan itu di samping Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden.

Difahamkan, Abdul Ghani bersedia menawarkan diri untuk merebut jawatan itu dan keputusan mengenainya dijangka diumumkan esok.

Setakat ini, dua calon dari Johor, Menteri Luar yang juga Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang juga Ketua Umno Bahagian Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin sudah menawarkan diri merebut jawatan berkenaan.

Dr Nasrah berkata, selain menyokong Abdul Ghani, Pergerakan Pemuda Umno Johor juga menyokong pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang juga Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein bagi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia pada perhimpunan itu kelak.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno negeri, Datuk Sabariah Ahmad, berkata Pergerakan Wanita menyokong penuh Abdul Ghani bagi jawatan itu berdasarkan komitmennya terhadap Umno.

"Walaupun Abdul Ghani baru saja menerajui Umno tetapi ternyata khidmatnya cemerlang apabila Barisan Nasional (BN) berjaya memenangi semua kerusi negeri dan parlimen pada pilihan raya umum lalu.

"Oleh itu kepemimpinan dan idea Abdul Ghani perlu ditonjolkan pada peringkat nasional," katanya.

Sabariah berkata, mesyuarat itu turut mengambil keputusan sebulat suara menyokong Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, mempertahankan jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno.

"Pergerakan Wanita Umno Johor juga menyokong semua calon wanita untuk bertanding merebut jawatan Majlis Tertinggi (MT) pada perhimpunan itu kelak," katanya.

(END)